

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Isnin, 30 April 2018



### **Perpustakaan Awam Desa dijadikan Pusat Maklumat Pelancongan**

Tarikh kemaskini: 30/04/2018

KUALA KANGSAR, 30 April (Bernama) -- Perpustakaan Awam Desa akan dijadikan satu daripada pusat maklumat pelancongan bagi membolehkan pelancong mendapat maklumat mengenai sesuatu tempat pelancongan di desa.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata usaha tersebut bertujuan bagi memudahkan pelancong mengunjungi kawasan pelancongan yang menarik seperti sungai dan kawasan perkelahan.

"Selain perpustakaan desa menjadi pusat ilmu dan penyebaran maklumat, ia juga boleh dijadikan tempat untuk masyarakat kampung untuk berjumpa," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Perpustakaan Desa dan Karnival Membaca di Kampung Kota Lama Kanan di sini, hari ini.

Perpustakaan Desa Kampung Kota Lama Kanan merupakan projek kerajaan yang siap dibina pada Mac 2016 dengan kos RM500,000 dan mula beroperasi pada 17 Ogos 2016.

Mohamed Nazri berkata perpustakaan desa juga menjadi alat penting dalam memastikan ilmu pengetahuan dapat dimanfaatkan oleh rakyat di seluruh negara.

Katanya terdapat 1,112 perpustakaan desa telah dibina kerajaan sehingga kini dan Perak mempunyai 87 perpustakaan desa.

-- BERNAMA